Pendakwa Raya lwn Loo Tee Maw

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — RAYUAN JENAYAH BIL 41-300-1990 DAN BIL 41-301-1990
ABDUL AZIZ H
18 JULAI 1991

Acara Jenayah *— Pendakwaan — Kesalahan menjalankan perniagaan hotel tanpa lesen — Kelayakan pegawai polis untuk menjalankan pendakwaan — Sama ada perjalanan pendakwaan oleh seorang yang tidak berkelayakan menjadi alasan untuk melepaskan responden — Kanun Acara Jenayah (FMS Bab 6) ss 173(g) & 380(ii)(a)*

Acara Jenayah *— Pertuduhan — Kecacatan pada pertuduhan — Undang-undang yang dilanggar salah disebut dalam pertuduhan — Undang-undang yang sebenarnya dilanggar tidak disebut — Sama ada pertuduhan itu tidak berasas — Sama ada perintah pelepasan harus diberi kepada responden — Kanun Acara Jenayah (FMS Bab 6) ss 152(iv) & 173(g)*

Dalam rayuan ini, pendakwa raya merayu terhadap perintah majistret Kuala Lumpur melepaskan responden di bawah s 173(g) Kanun Acara Jenayah (FMS Bab 6) ('Kanun itu') tanpa perbicaraan. Pelepasan itu tidak sampai kepada pembebasan.

Responden dituduh menjalankan perniagaan hotel tanpa lesen. Pertuduhan menyatakan undang-undang yang dilanggar sebagai s 107(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 ('Akta itu') dan seksyen penalti sebagai s 119. Pegawai pendakwa ialah seorang inspektor polis. Nampaknya, majistret membuat perintah tersebut atas dua alasan, yang satu ialah berkenaan dengan soal orang yang layak menjalankan pendakwaan yang pada pendapatnya, sepatutnya dijalankan oleh pegawai Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur. Yang satu lagi adalah berkenaan dengan kecacatan pada pertuduhan.

Diputuskan, menolak rayuan itu:

(1) Mahkamah memutuskan bahawa seseorang pegawai polis berkuasa menjalankan pendakwaan dalam kes ini menurut s 380(ii)(a) Kanun itu yang dari ungkapan 'any prosecution' adalah bertujuan sebagai kaedah am untuk dipakai bagi sebarang pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang. Tetapi seandainya pun seseorang yang tidak berkuasa cuba menjalankan pendakwaan, itu tidaklah menjadi alasan untuk membuat pelepasan di bawah s 173(g) Kanun itu. Pelepasan di bawah seksyen itu hanya berbangkit jika mahkamah mendapati bahawa pertuduhan tidak berasas.

(2) Seksyen 107(6) Akta itu memperuntukkan penalti bagi kesalahan tidak mempamerkan lesen. Oleh yang demikian, pertuduhan itu adalah salah apabila ia menyatakan bahawa menjalankan perniagaan hotel tanpa lesen melanggar s 107(6) Akta itu atau apabila ia gagal menyatakan apakah undang-undang sebenarnya yang dilanggar. Kehendak s 152(iv) Kanun itu tidak dipatuhi.

A (3) Perintah pelepasan tidak silap dibuat kerana jikalau tidak ada peruntukan dalam Akta itu atau dalam perundangan subsidiari di bawahnya yang mewajibkan lesen bagi perniagaan hotel, maka tidaklah berbangkit di bawah s 107(6) Akta itu kesalahan tidak mempamerkan lesen itu, dan tuduhan terhadap responden sama ada kerana tidak ada lesen atau kerana tidak mempamerkan lesen, bolehlah dikatakan tidak berasas.

B

[**English summary**

In this appeal, the public prosecutor appealed against the order of the magistrate, Kuala Lumpur discharging the respondent under s 173(g) C of the Criminal Procedure Code (FMS Cap 6) ('the Code') without trial. The said discharge does not amount to an acquital.

The respondent was charged with carrying on hotel business without a licence. The charge read that the law contravened against was s 107(6) of the Local Government Act 1976 ('the Act') and the D penalty section as s 119. The prosecuting officer was a police inspector. It looked like the magistrate made the said order on two grounds, one of which was on the question of who was the person qualified to carry out the prosecution, which in the opinion of the magistrate, should be the officer from the City Council, Kuala Lumpur and not the police officer. Another ground related to the defect in the E charge.

Held, dismissing the appeal:

(1) The court held that a police prosecuting officer was empowered to carry out the prosecution in this case pursuant to s 380(ii)(a) of the Code in which by the expression 'any prosecution' was F intended as a general rule for use in any prosecution under any law. However, even if a person who was not empowered to carry out the prosecution tried to do so, this did not constitute a ground for a discharge under s 173(g) of the Code. The discharge under the said section would only arise if the court found that the charge G was groundless.

(2) Section 107(6) of the Act provided the penalty for the offence of not displaying a licence. Therefore, the charge was wrong when it stated that carrying on hotel business without licence contravened s 107(6) of the Act or when it failed to specify which law he had actually contravened. The requirement of s 152(iv) of the Code H had not been complied with.

(3) The discharge order was not wrongly made as if there were no provision in the Act or any subsidiary legislation under it which required a licence for hotel business, an offence for not displaying the licence therefore did not arise under s 107(6), and the charge I against the respondent, whether it was for not having a licence or not displaying a licence, could be said to be groundless.]

Undang-undang rujukan

Akta Kerajaan Tempatan 1976 ss 107(6), 119

Kanun Acara Jenayah ss 152(iv), 173(g), 377, 380

Hayatunnisah bte Sulaiman (Deputy Public Prosecutor) bagi pihak perayu. A
KY Leong (*Sothi & Leong*) bagi pihak responden.

Cur Adv Vult

Abdul Aziz H: Dalam kedua-dua rayuan ini, yang telah didengar serentak, B
pendakwa raya merayu terhadap perintah majistret Kuala Lumpur melepaskan responden di bawah s 173(g) Kanun Acara Jenayah (FMS Bab 6) ('Kanun itu') tanpa perbicaraan. Pelepasan itu tidak sampai kepada pembebasan. Seksyen 173(g) berbunyi seperti berikut:

> Nothing in paragraph (f) [iaitu peruntukan yang memestikan pembebasan jika C
> didapati tiada kes dari keterangan pihak pendakwa] shall be deemed to prevent the Court from discharging the accused at any previous stage of the case if for reasons to be recorded by the Court it considers the charge to be groundless.

Responden dituduh menjalankan perniagaan hotel tanpa lesen. Pertuduhan terhadap responden dalam kedua-dua kes adalah serupa, melainkan tarikh kesalahan sahaja yang berlainan. Pertuduhan menyatakan undang-undang D
yang dilanggar sebagai s 107(6) Akta Kerajaan Tempatan 1976 ('Akta itu') dan seksyen penalti sebagai s 119. Pegawai pendakwa ialah seorang inspektor polis.

Daripada alasan penghakimannya, nampaknya ada dua sebab mengapa majistret yang bijaksana itu membuat perintah tersebut, yang satunya adalah E
berkenaan dengan soal orang yang layak menjalankan pendakwaan, dan yang satu lagi adalah berkenaan dengan kecacatan pada pertuduhan.

Tentang perjalanan pendakwaan, majistret yang bijaksana itu berpendapat bahawa pendakwaan sepatutnya dijalankan oleh pegawai Dewan Bandaraya, Kuala Lumpur dan tidak oleh pegawai polis. Jawapan kepada persoalan itu boleh didapati sama ada dari s 377 atau s 380 Kanun itu. Menurut s 377, F
jika kesalahan dalam kes ini ialah kesalahan boleh tangkap (seizable offence), seseorang pegawai polis yang sekurang-kurangnya berpangkat inspektor, yang bertindak bagi pihak pendakwa raya, bolehlah menjalankan pendakwaan. Menurut s 2(i) Kanun itu, makna 'seizable offence' untuk maksud-maksud Kanun itu ialah suatu kesalahan yang kerananya — menurut G
ruang ketiga Jadual Pertama — seseorang pegawai polis boleh pada kebiasaannya (ordinarily) menangkap tanpa waran. Mengikut Jadual Pertama itu, jika sesuatu kesalahan itu ialah terhadap mana-mana undang-undang selain daripada Kanun Keseksaan (FMS Bab 45), kuasa untuk menangkap tanpa waran tidak diberikan pada kebiasaannya bagi kesalahan yang membawa hukuman penjara kurang daripada tiga tahun atau hukuman H
denda sahaja. Maka jika hukuman bagi sesuatu kesalahan di bawah sesuatu statut yang bukan Kanun Keseksaan (FMS Bab 45) ialah penjara kurang daripada tiga tahun atau denda sahaja, kesalahan itu, menurut dan bagi maksud-maksud Kanun Acara Jenayah (FMS Bab 6) ialah kesalahan tak boleh tangkap (non-seizable offence). Oleh kerana hukuman penjara maksimum yang ditetapkan oleh s 119 Akta itu bagi kesalahan dalam kes ini I
ialah satu tahun sahaja, maka kesalahan itu bukanlah kesalahan boleh tangkap, dan s 377 tidaklah terpakai bagi kes ini.

Dalam mencapai pendapat itu, saya tidaklah melupakan kuasa menangkap tanpa waran yang diberikan oleh s 121 Akta itu bagi kesalahan-kesalahan di

bawah Akta itu, yang mana, walaubagaimana pun, bukanlah kuasa yang boleh digunakan pada kebiasaannya, tetapi hanya jika nama dan alamat orang yang berkenaan itu tidak dapat dipastikan atau adalah diragui. Tetapi kebolehtangkapan (seizability) di bawah seksyen itu tidaklah menjadikan kesalahan-kesalahan di bawah Akta itu sebagai kesalahan-kesalahan boleh tangkap bagi maksud-maksud Kanun itu. Bagi maksud-maksud Kanun itu, dalam hal undang-undang selain daripada Kanun Keseksaan (FMS Bab 45), kesalahan boleh tangkap hendaklah ditentukan mengikut sama ada, menurut ruang ketiga Jadual Pertama kepada Kanun Acara Jenayah (FMS Bab 6), pesalahnya boleh ditangkap tanpa waran, dan soal itu adalah bergantung pula, menurut ruang kedua, kepada penalti bagi kesalahan itu.

Setelah memutuskan, sehaluan dengan pendapat majistret yang bijaksana itu, bahawa s 377 tidak terpakai bagi kes itu, saya berpaling pula kepada s 380. Subseksyen (ii) nya berbunyi seperti berikut:

> in summary non-seizable cases in the Court of a Magistrate —
>
> (a) the Public Prosecutor or a Deputy Public Prosecutor or a Police Officer may appear and conduct any prosecution;
>
> (b) any officer of any Government department or of any local authority or statutory authority or any person employed by any local authority or statutory authority may appear and conduct any prosecution for an offence against any written law which it is the duty of the said department or authority specially to enforce;
>
> (c) any private person may appear in person or by advocate or, in the State of Trengganu, by a pleader and prosecute for an offence against his own person or property.

Majistret yang bijaksana itu nampaknya telah berpegang kepada perenggan (b) dengan mengetepikan sama sekali perenggan (a), dengan akibat bahawa, pada pendapat beliau, pegawai Dewan Bandarayalah yang sepatutnya menjalankan pendakwaan dalam kes ini manakala pegawai polis tidak boleh. Adalah jelas kepada saya bahawa perenggan (a), dari ungkapan 'any prosecution', adalah bertujuan sebagai kaedah am untuk dipakai bagi sebarang pendakwaan di bawah mana-mana undang-undang, dan perenggan (b), serta juga perenggan (c), adalah pengecualian bagi kes-kes tertentu yang tidak menjejaskan keluasan (generality) perenggan (a). Saya bersetuju dengan timbalan pendakwa raya yang bijaksana dan saya memutuskan bahawa seseorang pegawai polis berkuasa menjalankan pendakwaan dalam kes ini. Tetapi seandainya pun seseorang yang tidak berkuasa cuba menjalankan pendakwaan, itu tidaklah menjadi alasan untuk membuat pelepasan di bawah s 173(g). Pelepasan di bawah seksyen itu hanya berbangkit jika mahkamah mendapati bahawa pertuduhan tidak berasas. Jika seseorang yang tidak berkuasa cuba menjalankan pendakwaan, tidaklah langsung dapat dikatakan bahawa itu bererti pertuduhan tidak berasas.

Berkenaan dengan kecacatan pada pertuduhan pula, sebagaimana saya nyatakan tadi, ia menyebut s 107(6) Akta itu sebagai undang-undang yang dilanggar dan s 119 sebagai seksyen penaltinya. Tetapi s 107(6) memperuntukkan penalti bagi kesalahan tidak mempamerkan lesen. Oleh yang demikian pertuduhan itu adalah salah apabila ia menyatakan bahawa menjalankan perniagaan hotel tanpa lesen melanggar s 107(6) atau apabila ia gagal menyatakan apakah undang-undang sebenarnya yang dilanggar.

Maka kehendak s 152(iv) Kanun itu telah tidak dipatuhi. Tentang s 119 pula, ia memperuntukkan penalti am bagi kesalahan-kesalahan yang tidak diberikan penalti tertentu. Jika benar kesalahannya di bawah s 107(6), tidak perlulah penalti di bawah s 119 oleh kerana s 107(6) itu sendiri memperuntukkan penalti baginya.

Semasa membuat hujahnya dalam rayuan ini, timbalan pendakwa raya yang bijaksana menyatakan bahawa sebenarnya responden hendak dituduh atas kesalahan tidak mempamerkan lesen di bawah s 107(6) tetapi telah silap dituduh kerana tidak mempunyai lesen. Menurut timbalan pendakwa raya yang bijaksana, terdapat lakuna dalam undang-undang, oleh kerana beliau tidak dapat mengesan peruntukan undang-undang yang mewajibkan lesen bagi menjalankan perniagaan hotel. Beliau membuat pendedahan itu dalam memohon supaya saya menggunakan kuasa mahkamah di bawah s 325 Kanun itu untuk membetulkan kesilapan itu. Saya tidak melayan permohonan itu oleh kerana seksyen itu langsung tidak ada kaitan dengan masalah ini dan saya tidak memahami maksud permohonan itu.

Daripada rekod prosiding di mahkamah majistret, tidak ternyata bahawa majistret yang bijaksana itu ada meminta pegawai pendakwa memberi penjelasan tentang kecacatan pada pertuduhan itu. Andaikata penjelasan telah diminta, saya tidak hairan sekiranya pegawai pendakwa sendirinya tidak dapat memberi penjelasan. Andaikata timbalan pendakwa raya yang bijaksana telah mengambil tempat pegawai pendakwa di mahkamah majistret dan telah memberi penjelasan sebagaimana yang telah diberi kepada saya, saya berpendapat majistret yang bijaksana tidak silap sekiranya beliau memerintahkan pelepasan di bawah s 173(g) Kanun itu. Saya berkata demikian oleh kerana jikalau tidak ada peruntukan dalam Akta itu atau dalam perundangan subsidiari di bawahnya yang mewajibkan lesen bagi perniagaan hotel, maka tidaklah berbangkit di bawah s 107(6) kesalahan tidak mempamerkan lesen itu, dan tuduhan terhadap responden, sama ada kerana tidak ada lesen atau kerana tidak mempamerkan lesen, bolehlah dikatakan tidak berasas. Oleh sebab itu saya menolak rayuan ini.

Menentukan peruntukan undang-undang bagi mengasaskan pertuduhan adalah tugas pihak pendakwa dan bukan tugas mahkamah. Namun demikian, sambil menolak rayuan ini, saya mengesyorkan kepada timbalan pendakwa raya yang bijaksana supaya mengkaji sama ada peruntukan yang mewajibkan lesen bagi perniagaan hotel terdapat di bawah Enakmen Rumah Tumpangan (NMB Bab 87) dan tidak di bawah Akta itu. Jika terdapat peruntukan sedemikian, dan jika niat asal sebenarnya ialah untuk menuduh responden kerana menjalankan perniagaan hotel tanpa lesen — dan tidaklah, sebagaimana dikatakan oleh timbalan pendakwa raya yang bijaksana, kerana tidak mempamerkan lesen — responden masih boleh disaman semula atas laporan asal, walau pun rayuan ini ditolak, oleh kerana responden telah dilepaskan sahaja dan tidaklah juga dibebaskan.

Rayuan ditolak.

Dilaporkan oleh Neoh Lay Choo